



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

TEKS UCAPAN

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**PROGRAM NUR RAMADAN
PARLIMEN WANGSA MAJU**

22 MAC 2024

MASJID USAMAH BIN ZAID

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

المحمد لله رب العالمين،

والصلاة والسلام على

سيدنا محمد أشرف

المرسلين، وعلى آله

وصحبه أجمعين

Yang Berhormat
Teknologis Zahir Hassan
Ahli Parlimen Wangsa Maju

Yang Berbahagia
Dato' Indera Noridah Abdul Rahim
Ketua Pengarah
Jabatan Wilayah Persekutuan

Yang Berbahagia
Datuk Seri Surveyor Kamarulzaman Mat Salleh
Datuk Bandar Kuala Lumpur

Yang Berbahagia
Dato' Townplanner Fadlun Mak Ujud
Presiden Perbadanan Putrajaya

Yang Berusaha

Encik Adam Saffian Ghazali

Ketua Pegawai Eksekutif

Alam Flora Sdn. Bhd.

Yang Berusaha

Puan Wan Maizatun Wan Hassan

Timbalan Pengurus Bahagian Agihan Zakat

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

Yang Berusaha

Tuan Murshidi Abd Hamid

Pengerusi Masjid Usamah bin Zaid

Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Wilayah

Persekutuan

Pengarah-pengarah Eksekutif DBKL

Ketua-ketua Agensi

Pengurusan Kanan JWP dan DBKL

Para penerima sumbangan,

Rakan-rakan media,

Serta tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya kita semua dapat bersama-sama pada hari ini di dalam Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan peringkat Parlimen Wangsa Maju.
2. Terima kasih saya ucapkan kepada semua yang dapat hadir ke program pada petang ini. Masih belum terlambat

untuk saya ucapkan Ramadan Kareem kepada semua umat Islam, walaupun kita telah menganjak ke hari yang ke-11 pada hari ini.

3. Semoga Ramadan pada kali ini membawa kedamaian dan kebahagiaan dalam hidup kita, khususnya dalam kita menjalankan ibadah kepada Allah SWT.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Ramadan adalah bulan yang penuh keberkatan. Ramadan ini bukan sekadar berpuasa semata-mata, tetapi juga merupakan satu waktu di mana umat Islam berusaha untuk

meningkatkan takwa mereka kepada Allah Azza Wa Jalla.

5. Sudah pasti, amalan utama di bulan Ramadan adalah berpuasa yang membantu meningkatkan ketakwaan kita. Puasa ini tidak sekadar menahan diri dari makan minum, tetapi juga menuntut kawalan diri terhadap nafsu. Ini secara tidak langsung, mengajar kita untuk mengawal perbuatan dan perkataan yang keluar dari mulut kita serta meningkatkan kesedaran akan tanggungjawab kita kepada Allah.

6. Ramadan juga merupakan bulan di mana semua pihak berlumba-lumba untuk beramal jariah.

7. Amalan memberi sedekah, membantu yang memerlukan dan melakukan kebaikan kepada sesama manusia seperti yang sedang kita laksanakan pada hari ini adalah sebahagian daripada ibadah di Bulan Ramadan. Dengan melakukan amal jariah ini, umat Islam dapat meningkatkan nilai empati dan kesedaran sosial, di mana itu adalah ciri-ciri kepada orang yang bertakwa.

NUR RAMADAN PERINGKAT PARLIMEN WANGSA MAJU

Para hadirin sekalian,

8. Melalui program Nur Ramadan pada hari ini, seramai 300 orang golongan asnaf, OKU, warga emas, ibu tunggal dan anak yatim akan disantuni melibatkan sumbangan wang zakat sebanyak RM 60,000.00 daripada MAIWP.

9. Saya ingin zahirkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang sentiasa komited

menjadi rakan strategik kepada program ini saban tahun.

10. Untuk tahun ini, MAIWP telah menyumbang wang zakat sebanyak RM 660,000 untuk disumbangkan kepada golongan yang memerlukan di Kuala Lumpur melibatkan 300 orang penerima bagi setiap parlimen.
11. Program di Parlimen Wangsa Maju pada hari ini juga mendapat kerjasama yang baik dari Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Wangsa Maju. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat

Teknologis Zahir Hassan dan pasukannya.

12. Tidak ketinggalan untuk saya ucapkan terima kasih kepada DBKL, pihak pengurusan Masjid Usamah bin Zaid, Alam Flora Sdn. Bhd. (menyediakan 1,000 pek bubur lambuk) dan syarikat Vermi Noodles (menyumbang sebanyak 600 pek bihun siap dimasak dan bihun mentah) yang turut menjadi rakan strategik bagi program pada hari ini.

13. Dalam kesempatan ini juga, saya ingin mengumumkan bahawa Jabatan Wilayah Persekutuan telah bersetuju untuk menyumbangkan sebanyak RM 4,000.00 kepada Masjid Usamah bin Zaid untuk tujuan pengimarahannya masjid pada sepanjang bulan Ramadan.

100 HARI WILAYAH PERSEKUTUAN KITA

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

14. Semalam, genap 100 hari saya menerajui Jabatan Wilayah Persekutuan selaku Menteri. Alhamdulillah, saya telah mendengar taklimat, menghadiri program dan turun sendiri bagi mendengar denyut nadi rakyat di bawah sana.

15. Semua ini kita dapat laksanakan hasil kerjasama semua pihak di JWP, agensi-agensi dan penglibatan ahli-ahli Parlimen serta rakyat yang tidak berbelah bahagi menyokong segala inisiatif yang kita laksanakan.

16. Namun begitu, kita tak boleh untuk terus berpuas hati dengan apa yang telah dicapai. Kerja kita semua belum lagi selesai. Taraf hidup rakyat perlu diberi keutamaan. Masih ada rakyat yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang yang perlu kita santuni dan dekati.
17. **Untuk itu, saya berharap pelaksanaan kluster Program Usaha Jaya Insan (PUJI) terus diperkembangkan dan bersasar. Selaraskan kesemua inisiatif dan bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat melalui satu**

***one-stop centre* yang memudahkan rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut.**

18. Ini lah komitmen kita semua untuk memastikan perkhidmatan yang disampaikan kepada rakyat lebih terangkum, dan pada akhirnya kita akan merapatkan jurang dan melebarkan peluang antara jabatan dan rakyat.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

19. Saya mendoakan agar kesemua amal ibadah kita sepanjang Ramadan ini diberkati oleh Allah SWT.

20. Sekali lagi, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program pada hari ini.

21. Semoga segala bantuan yang disampaikan akan serba sedikit meringankan beban tuan-tuan dan puan-puan dalam meneruskan ibadah Ramadan dan menceriakan suasana Aidilfitri yang bakal kunjung tiba.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.